

## PEMBENTUKAN PERSONALITI REMAJA

Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
Johor

### **Pengenalan**

Mengikut Allport personaliti ialah satu organisasi dinamik berkaitan dengan system psikofizikal dalam diri individu yang akan menentukan penyesuaian tertentu ke atas persekitaran.

Organisasi dinamik ( Dynamik Organisation ) bermaksud integrasi serta hubungan di antara pelbagai aspek personaliti. Personaliti ini merupakan sesuatu yang berubah dan berkembang dan bukan sesuatu yang statistik.

‘Sistem psikofizikal’ ialah tabiat kebiasaan, sikap, nilai kepercayaan, keadaan emosi, sentimen dan motif yang dalam bentuk psikologi tetapi mempunyai asas fizikal di dalam urat saraf, kelenjar dan keadaan tubuh badan am. Sistem ini bukan terhasil daripada baka. Walaupun sistem ini bukan terhasil daripada baka, system ini telah terbentuk dengan cara pembelajaran akibat pengalaman seseorang kanak-kanak. Sistem psikofizikal adalah kuasa penggerak yang menentukan penyesuaian jenis apakah yang dibuat oleh seseorang kanak-kanak.

Faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti

### *Baka*

Minat terhadap faktor baka sebagai satu faktor yang mempengaruhi personaliti telah tertumpu kepada trait. Khususnya trait yang manakah yang diwarisi dan trait yang mana pula yang mudah dipengaruhi oleh persekitaran. Faktor-faktor genetik menghasilkan pembawaan atau potensi untuk perkembangan dan bukan menghasilkan trait-trait badan dan tingkahlaku secara langsung. Dipercayai bahawa baka meletakkan had-had yang tidak dapat dilintasi untuk perkembangan seterusnya walaupun persekitaran yang diberi sangat baik. Kita tidak mengetahui dan tidak ada cara

untuk mengetahui apakah had-had tersebut. Sebagai contoh, ujian kecerdasan tidak dapat mengesan potensi yang diwarisi. Ujian itu hanya menunjukkan taraf perkembangan potensi tersebut pada masa ujian diambil.

Peranan baka di dalam aspek-aspek perkembangan adalah berbeza-beza. Pengaruh baka adalah lebih bagi ciri-ciri fizikal dibandingkan dengan intelek. Begitu juga personaliti sosial tidak begitu terhad oleh baka dan sangat dipengaruhi oleh persekitaran.

### *Bentuk Tubuh Badan*

Bentuk tubuh badan mempengaruhi personaliti secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung, bentuk tubuh badan menentukan perkara-perkara yang dapat dibuat dan tidak dapat dibuat oleh kanak-kanak. Perkara ini sangat penting di semua peringkat umur khususnya apabila aktiviti fizikal membawa nilai prestij yang tinggi untuk kumpulan sebaya. Kanak-kanak yang kecil dan berbadan lemah ataupun terlalu gemuk akan merasa terhalang di dalam berbagai-bagai permainan dan sukan.

Secara tidak langsung pula, bentuk tubuh badan mempengaruhi personaliti dengan cara menentukan perasaan kanak-kanak tentang tubuh badannya. Seterusnya, perasaan ini akan dipengaruhi juga oleh perasaan orang-orang disekelilingnya. Ada bukti yang menunjukkan sikap masyarakat dan kebudayaan terhadap bentuk tubuh badan tertentu adalah bertanggungjawab untuk menghasilkan pola-pola personaliti bagi individu yang mempunyai bentuk tubuh badan yang tertentu.

Jika seseorang kanak-kanak itu ada kumpulan sebayanya yang lebih kurang sama tinggi dan sama berat tubuh badan, maka konsep sendiri kanak-kanak tidak terjejas. Jika bentuk tubuh badannya berbeza ia akan mempengaruhi personalitinya. Kanak-kanak yang gemuk akan merasa kesedaran sendiri, takut dan malu, lembab dan tidak dapat memegang status yang tinggi di kalangan rakan sebayanya. Ia akan bertambah bergantung kepada ibunya, dan akan membentuk personaliti yang tidak matang bagi tahap umurnya.

### *Keadaan Fizikal*

Perubahan-perubahan keadaan fizikal seseorang kanak-kanak akan membawa perubahan tingkahlaku yang mungkin tidak kekal atau kekal, sedikit atau banyak.

Seseorang kanak-kanak akan merasa mudah marah dan bertingkahtaku berbeza jika dibandingkan dengan semasa sudah berehat. Keadaan-keadaan fizikal seperti ini yang menggangguimbangan tubuh badan yang akan menjejaskan penyesuaian kanak-kanak tersebut.

Kesihatan akan mempengaruhi personalitinya. Sikap keluarga dan kumpulan sosial kanak-kanak biasanya adalah lebih baik bagi kanak-kanak yang sihat jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang kurang sihat. Ini akan mempengaruhi tingkahtaku.

Kanak-kanak yang kurang bertenaga kerana sakit teruk akan bertingkahtaku malu, pendiam, mudah marah, murung dan tidak bersosial. Mereka yang menghidap penyakit yang merimaskan seperti ekszima (sejenis penyakit kulit) akan bertindak melampau dan mudah meradang. Personaliti kanak-kanak ini bertambah baik apabila penyakit ini sudah terkawal.

Kesan kecacatan fizikal terhadap personaliti, bergantung kepada setakat mana kanak-kanak itu sedar bahawa ia berbeza. Sebagai contoh, kanak-kanak yang pekak atau buta akan membentuk personaliti kekakuan apabila mereka bersama-sama dengan kanak-kanak yang tidak pekak atau tidak buta.

### *Kecerdasan*

Kecerdasan telah dibekalkan kepada kanak-kanak agar berkeupayaan menyesuaikan diri untuk hidup, untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah penyesuaiannya. Kecerdasan yang sederhana membolehkan kanak-kanak menyesuaikan dirinya dengan agak berjaya jika keadaan lain adalah baik. Namun begitu kecerdasan yang sangat rendah atau sangat tinggi akan menjejaskan penyesuaian sosial. Kanak-kanak yang terlalu pandai atau terlalu bodoh biasanya terosak sedikit daripada segi psikologi kerana ia membentuk konsep sendiri yang menentang penyesuaian yang sempurna. Seterusnya ia akan membentuk corak-corak tingkahtaku yang dianggap rendah bagi standard sosial yang diperlukan untuk umurnya. Seterusnya lagi kesedaran bahawa tingkahtaku tidak diterima daripada segi sosial akan merendahkan konsep kendirinya lagi yang akan mengakibatkan tingkahtaku sosial yang kurang baik.

Kanak-kanak kecil tidak sedar dan tidak mengetahui tahap kecerdasan mereka, kecuali apabila mereka terpisah jauh daripada norma atau yang biasa bagi umurnya.

Dengan kata lain, kanak-kanak yang sangat pandai tidak mengetahui dan tidak menyedari yang ia sangat pandai. Begitu juga kanak-kanak yang lembap tidak mengetahui kelembapan mereka itu. Kanak-kanak yang sederhana kecerdasan tidak mengendahkan perkara ini. Di sekolah mereka mempunyai kayu pengukur untuk membandingkan keupayaan kecerdasan mereka. Mereka mengukur tahap perkembangan kecerdasan mereka berdasarkan penyesuaian mereka terhadap kerja sekolah.

Perasaan kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan yang berlainan adalah dipengaruhi oleh sikap sosial khususnya sikap ibu bapa, guru dan ahli-ahli kumpulan sebayanya. Kanak-kanak yang sederhana kecerdasan akan merasa kurang senang apabila bersama dengan kanak-kanak yang sangat cerdas kerana mereka berasa bebal jika dibandingkan dengan kawannya yang cerdas. Kebanyakan daripada masalah personaliti kanak-kanak yang sangat cerdas adalah disebabkan oleh pemencilan psikologi. Apabila mereka berpeluang bercampur dengan kanak-kanak yang sama cerdas, masalah personaliti mereka akan berkurang atau tersingkir. Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan yang sangat rendah jika dibandingkan dengan kanak-kanak lain yang seumur dengannya di sekolah atau di tempat tinggalnya akan merasa dirinya tersingkir umpama orang luar. Minatnya pun berlainan jika dibandingkan dengan mereka, lantas memencilkan dirinya. Jika kumpulan sebayanya sangat cerdas, maka kanak-kanak tadi akan merasa tidak popular dan lebih terpencil.

### *Emosi*

Emosi akan menyebabkan keadaan tidak seimbang daripada segi fizikal dan akan menjejaskan tingkahlaku kanak-kanak tersebut. Tindakbalas seseorang kanak-kanak terhadap sesuatu rangsangan akan menimbulkan sesuatu emosi dan bergantung kepada pengalamannya yang lalu. Emosi tersebut akan mempengaruhi cara-cara penyesuaian dirinya. Setengah-tengah kanak-kanak telah belajar menyatakan emosi mereka serta-merta dan ada pula yang belajar menghalang dan menyekat emosi mereka tetapi akan mengeluarkan perasaan geram itu pada suatu masa yang lebih sesuai.

Apabila seseorang kanak-kanak itu meluapkan perasaannya, ia sering dikatakan sebagai tidak matang oleh orang lain. Sebaliknya jika emosi geramnya itu dipendam ia akan merasa murung dan ini akan menyebabkannya menjadi biadab, lekas marah, bengis,

tidak mahu bekerjasama dan merenung tentang dirinya sendiri. Emosi yang tinggi akan menyebabkan kanak-kanak itu merasa gelisah, gentar dan kurang senang.

Emosi dominan yang dialami oleh kanak-kanak biasanya lebih mempengaruhi personaliti kanak-kanak jika dibandingkan dengan emosi ketegangan yang menyeluruh. Persekitaran pula sering menggalakkan pola-pola emosi yang tidak baik. Sebagai contoh perasaan risau atau susah hati yang terlalu banyak dan selalu akan melemahkan keyakinan kendirinya. Orang dewasa pula akan menilai tingkahlaku kanak-kanak dengan cara yang positif apabila kanak-kanak tersebut menyekat atau mengawal perasaannya yang meluap.

#### *Pengalaman awal Kanak-kanak.*

Pengalaman ketiga kanak-kanak dan ingatan tentang pengalaman ini meninggalkan kesan-kesan terhadap personaliti individu yang kekal. Kekurangan kemesraan ibu atau penjaga ketika awal kanak-kanak serta deprivasi emosi akan mempengaruhi perkembangan personaliti kanak-kanak. Jika deprivasi ini tidak lama kesannya tidak begitu banyak atau kekal. Kajian menunjukkan bahawa tindak balas, sikap dan emosi ibu di dalam keseluruhan konteks kebudayaan di dalam persekitaran kanak-kanak dan faktor-faktor lain di dalam pengalaman kanak-kanak penting dalam menentukan pola-pola personalitinya. Sikap ibu yang menyebabkan kanak-kanak merasa bimbang dan bersalah khususnya ketika membuang air kecil atau besar, pasti akan menjejaskan personalitinya.

#### *Pengaruh Keluarga*

Kehidupan kanak-kanak ditentukan oleh ibu bapanya. Keluarga yang sering bertengkar, bergaduh dan kurang mesra, tidak menaruh minat terhadap anak-anak, bercerai, terdapat kematian dan perpisahan akan membawa keadaan emosi dan penyesuaian kanak-kanak yang tidak stabil.

Keluarga dan ahli keluarga yang mesra, demokratik dan ibu bapa yang memenuhi keperluan kanak-kanak akan meningkatkan penyesuaian kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak yang melihat dirinya diterima oleh ibu bapannya akan menunjukkan aspirasi ego yang lebih tinggi, ketabahan dan ketekunan. Sikap ibu bapa yang positif terhadap

perkembangan personaliti kanak-kanak ialah yang bercorak memahami perasaan, kasih sayang dan minat terhadap kana-kanak itu sebagai seorang individu.

### *Pengaruh Kebudayaan*

Di dalam setiap kebudayaan, kanak-kanak tertekan agar membentuk pola personaliti yang sesuai dengan standard kebudayaannya. Setiap kebudayaan mempunyai pola-pola personaliti yang diterimanya. Mereka mempunyai personaliti asas yang berlainan. Sejak kecil lagi ibu bapa melatih anak-anak menerima pola-pola personaliti yang sama. Maka dengan itu, cara kanak-kanak dididik ketika membesar merupakan pengaruh terbesar terhadap jenis personaliti yang akan dibentuknya.

### *Pengaruh Kawan*

Apabila di sekolah, kanak-kanak akan membentuk trait personaliti yang disanjung oleh kawan-kawannya. Perihal popular atau tidak popularnya seseorang kanak-kanak itu mengikut pandangan rakan-rakannya sangat penting dalam perkembangan personalitinya. Kanak-kanak yang kadang-kadang memegang kedudukan pimpinan di dalam pimpinannya akan membentuk sifat-sifat keyakinan sendiri dan sifat tenang. Kanak-kanak yang tidak disukai oleh kawan-kawannya akan merasa inferior, rasa iri hati, benci muram dan marah terhadap kawan-kawan yang tidak menghiraukannya.

### *Pengaruh Sekolah*


Guru memainkan peranan penting dalam perkembangan personaliti kanak-kanak. Secara langsung, guru akan mempengaruhi perasaan kanak-kanak terhadap diri kanak-kanak itu sendiri dengan cara-cara guru membetulkan tingkahlakunya. Mereka mula melihat diri mereka daripada sudut pandangan guru seperti ia merupakan 'pengacau', 'pengancam', 'kesayangan guru', 'si bodoh dan sebagainya'. Guru mempengaruhi penerimaan sosial yang akan dicapai oleh kanak-kanak.

Pola-pola personaliti guru akan mempengaruhi personaliti kanak-kanak. Guru yang bersifat mesra dan menerima muridnya akan menggerakkan mereka membuat kerja sekolah dengan lebih baik. Seorang guru yang negatif atau tidak mepedulikan murid akan memusnahkan motivasi anak muridnya dan mereka merasa tersingkir.

Sejauhmana guru mempengaruhi personaliti murid akan bergantung juga kepada jumlah interaksi diantara guru dan murid. Personaliti guru yang tidak disukai juga dapat mempengaruhi personaliti murid. Gred, markah dan kad laporan menambahkan perasaan serba kekurangan , tidak memadai, bimbang dan tekanan emosi. Kanak-kanak yang mendapat gred yang baik dan menerima pengakuan sosial dengan cara menerima hadiah dan penghargaan lain serta mempunyai konsep diri yang lebih baik. Markah menentukan sama ada seseorang murid itu menganggap dirinya sebagai berjaya, pandai atau sebagai gagal, bodoh dan tidak berguna.

### Pengaruh Sosio-Budaya Keatas Kanak-Kanak

Kanak-kanak tidak berkembang di dalam sebuah vakum. Perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh perhubungan sosial di dalam keluarga, kejiranan, komuniti, negara dan dunia tempat mereka tinggal dan dibesarkan. Dalam konteks ini, perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh ibu bapa, adik-beradik, saudara-mara, kawan-kawan, rakan sebaya, orang dewasa yang ada hubungan dengan mereka, sekolah, rumah-rumah ibadah dan kumpulan atau pertubuhan dimana mereka adalah sebahagian daripadanya. Pola pengaruh sosial keatas kanak-kanak seperti yang dimaksudkan di atas telah digambarkan oleh Bronfenbrenner (1979, 1987) di dalam model “ecological” seperti yang dipetik oleh Rice (2000) seperti berikut.



Model Bronfenbrenner.

Model 'ecological' seperti yang digambarkan oleh Bronfenbrenner menerangkan pengaruh dalam lingkungan 'microsystem' adalah merupakan pengaruh paling utama (immediate influences) yang mana persekitarannya terdiri daripada orang-orang yang paling hampir dengan kanak-kanak itu seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya, jiran, orang-orang dalam kumpulan ibadah dan mereka yang terlibat perkhidmatan kesihatan. Pengaruh dalam lingkungan 'mesosystem' adalah meliputi perhubungan yang wujud secara resiprokal dikalangan persekitaran 'microsystem', seperti peristiwa yang berlaku di rumah akan mempengaruhi peristiwa yang berlaku di sekolah dan sebaliknya.

Lingkungan 'exosystem' termasuk persekitaran dimana kanak-kanak tiada peranan di dalamnya tetapi mempengaruhi mereka kerana kesan persekitaran tersebut



keatas 'microsystem', seperti peristiwa yang berlaku kepada ibu bapa yang bekerja di tempat kerja mereka lambat laun akan mempengaruhi pertumbuhan kanak-kanak. Begitu juga pertumbuhan-pertumbuhan kemasyarakatan yang menyediakan khidmat sokongan keluarga akan memberi kesan kepada cara kanak-kanak itu dipelihara. Beberapa elemen yang terdapat dalam 'exosystem' adalah keluarga luas (extended family), jiran, pertubuhan dan perkhidmatan kemasyarakatan, tempat kerja, media massa, rakan-rakan keluarga dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dibenarkan. Lingkungan 'macrosystem' termasuklah ideologi, nilai, sikap, undang-undang dan peraturan, 'mores' serta adat dan pantang-larang sesuatu budaya. Budaya pula adalah berbeza mengikut negara, antara kaum dan etnik serta kumpulan-kumpulan berdasarkan sosio-ekonomi.

Di dalam tugas ini, kumpulan kami akan membincangkan peranan keluarga, iaitu, ibu bapa dan ahli-ahli keluarga yang lain (immediate family members) dalam pembentukan personaliti individu.

## Keluarga

Sistem sosial yang mengisi ruang hidup setiap individu terdiri daripada masyarakat dimana individu itu berada, budaya yang diamalkan oleh masyarakat tersebut, keluarga yang banyak mendidik individu itu secara tidak formal dan sekolah dimana individu itu mendapat pendidikan secara formal; kesemuanya memberi kesan terhadap perkembangan individu tersebut. Institusi keluarga merupakan satu unit sosial yang memberi kesan keatas perkembangan personaliti individu sebagai anggota masyarakat. Keluarga masih berfungsi sebagai "transmitter" atau penyebar utama pengetahuan, sikap, nilai, moral, prinsip, tabiat dan cara berfikir dan bertingkah laku yang memberi kesan terhadap perkembangan personaliti individu; yang akan dipindahkan dari satu generasi ke generasi yang berikutnya. Proses ini berlaku melalui kata-kata dan contoh tingkah laku, dimana keluarga membentuk personaliti dan mengekalkan mod atau cara berfikir cara berkelakuan yang kemudiannya menjadi tabiat. Peterson dan Rollins (1987) menamakan proses ini sebagai 'generational transmission'.

Keluarga didefinisikan oleh Rice (1999, ms 4) dipetik semula dalam Rice (2000, ms 226) sebagai,

*“any group of persons united by the ties of marriage, blood, or adoption or any sexually expressive relationship, in which (1) the people are committed to one another in an intimate, interpersonal relationship, (2) the members see their identity as importantly attached to the group, and (3) the group has an identity of its own”*

Berdasarkan definisi di atas, Rice telah menyenaraikan beberapa jenis keluarga, iaitu, *keluarga ibu atau bapa tunggal* (a single-parent family) yang mengandungi seorang ‘parent’ yang mungkin telah atau tidak berkahwin dan seorang atau beberapa anak kerana beliau menerima perhubungan ‘parent’-anak secara angkat (adoption). *Keluarga nuklear* atau keluarga asas yang mengandungi seorang bapa, seorang emak dan anak-anak mereka. Keluarga jenis ini semakin berkurangan di negara-negara Barat. *Keluarga luas* (extended family) terdiri daripada seseorang (a person), seorang teman hidup (a possible mate), anak-anak, saudara-mara yang tinggal bersama serumah atau saudara-mara yang tinggal berhampiran. Maksud keluarga luas oleh Rice ini agak berbeza kerana lazimnya sebuah keluarga luas mengandungi sepasang suami-isteri dan anak-anak mereka serta ahli keluarga atau saudara-mara yang hampir (immediate relatives) seperti datuk, nenek, emak dan bapa saudara dan sepupu; tetapi bagi Rice ikatan antara keluarga tidak semestinya secara biologikal.

*Keluarga ‘binuclear’* terbentuk akibat perceraian dimana sebuah keluarga asal terbahagi dua. Dengan itu, ia mengandungi dua keluarga nuklear; keluarga nuklear sebelah ibu (maternal nuclear family) diketuai oleh ibu sementara keluarga nuklear sebelah bapa (paternal family) diketuai oleh bapa. Setiap keluarga dianggotai anak-anak hasil dari keluarga asal, cuma diketuai oleh sama ada ibu atau bapa tunggal atau ibu bapa hasil perkahwinan kedua ibu atau bapa. *Keluarga ‘communal’* (komunal atau bersama) terdiri dari individu-individu yang tinggal bersama dan berkongsi beberapa aspek dalam kehidupan mereka. Kadang-kadang mereka tidak dianggap sebagai sebuah keluarga. *Keluarga ‘gay’ atau ‘lesbian’* mengandungi orang-orang dewasa yang sama jantina, lelaki bersama lelaki (gay) dan perempuan bersama perempuan (lesbian), tinggal bersama dan berkongsi pernyataan seksual dan komitmen berkeluarga. Selain yang tersebut di

atas, terdapat juga *keluarga bersekedudukan* (cohabiting family) dimana dua pasangan berlainan jantina tinggal bersama, beranak atau tanpa anak serta berkongsi penyataan seksual dan komitmen kekeluargaan tetapi tanpa pernikahan yang sah.

Kini, perkataan “keluarga” tidak lagi sinonim dengan keluarga nuklear atau keluarga asas dengan kepelbagaian jenis-jenis keluarga. Kerana perbezaan atau kepelbagaian keluarga dari segi struktur dan komposisi, maka pengaruh keluarga keatas perkembangan personaliti kanak-kanak juga adalah berbeza. Sebelum kita membincangkan pengaruh keluarga dalam pembentukan personaliti individu, elok juga kita memahami maksud sosialisasi.

## Sosialisasi

Sosialisasi merupakan satu proses dimana individu belajar cara bermasyarakat atau bersosial supaya mereka boleh berfungsi dikalangan masyarakat tempat tinggalnya. Kanak-kanak diajar amalan dan nilai dalam sesuatu masyarakat melalui perhubungan dengan setiap individu yang telah sedia mengamal norma dan nilai masyarakat tersebut; dan ini lazimnya bermula dari keluarga.

Faktor-faktor dalam keluarga yang mempengaruhi pembentukan personaliti individu

### 1. *Pengaruh keluarga keatas perkembangan personaliti kanak-kanak berbeza mengikut jenis-jenis keluarga.*

Datuk mempunyai pengaruh yang besar keatas kanak-kanak di dalam sebuah keluarga luas tetapi sangat sedikit pengaruh dalam keluarga nuklear; kerana hanya bertemu sekali-sekala. Demikian juga pengaruh seorang bapa yang telah bercerai sangat kurang dan terhad jika anak-anaknya dipelihara oleh bekas isterinya di dalam sebuah keluarga ibu tunggal. Ibu bapa yang rapat secara emosi dengan anak-anak serta mengekalkan perhubungan kasih sayang dalam tempoh yang lebih panjang dan selalu, mempunyai pengaruh yang lebih besar keatas anak-anak, seperti di dalam sebuah keluarga nuklear. Kata-kata ibu bapa sahaja tidak memadai tetapi juga apa yang dapat anak-anak perhatikan (perceive) kepada apa yang ibu bapa percaya dan buat yang banyak

mempengaruhi mereka. Di dalam tiga situasi di atas, dapat disimpulkan betapa struktur dan komposisi yang berbeza dalam sebuah keluarga, maka pengaruh keatas ahli-ahli keluarganya juga berbeza.

2. *Faktor perbezaan individu anak-anak itu sendiri, selaku ahli keluarga, menentukan pengaruh keluarga keatas mereka.*

Faktor yang menentukan pengaruh keluarga keatas personaliti anak-anak adalah perbezaan dari segi baka, pembawaan (temperament), persepsi kognitif dan perkembangan tipikal anak-anak serta tahap pematangan mereka. Oleh itu, tidak semua anak bertindakbalas dengan cara yang sama bila berhadapan dengan isu yang sama pada persekitaran keluarga yang sama. Jika terdapat persamaanpun, tidak pada tingkat atau tahap yang sama. Seorang anak yang dipelihara dalam suasana keluarga yang kucar-kacir dan konflik, sukar baginya untuk mengujudkan sebuah perkahwinan yang harmoni kelak.

3. *Faktor pengaruh keluarga dari segi kecekapan keibubapaan dan persekitaran keluarga.*

Tidak semua ibu bapa mampu mengujudkan persekitaran keluarga yang positif dan sihat. Terdapat tiga proses, pelarasan psikologikal ibu bapa, stail keibubapaan dan kualiti perkahwinan yang memberi kesan terhadap kematangan emosi anak-anak, kecekapan sosial dan perkembangan kognitif.

- (a) Pelarasan psikologikal ibu bapa

Kanak-kanak yang terdedah dengan sifat kemarahan ibu bapa (parental anger) akan mengakibatkan meningkatnya tindakbalas emosi dan tingkahlaku kanak-kanak itu. Ibu bapa yang sihat dari segi psikologikal selalunya memberi kesan positif terhadap pertumbuhan kanak-kanak. Ini bermaksud, ibu-ibu yang mempunyai sifat keyakinan diri (self-efficacy) atau percaya dengan kemampuan sendiri sebagai ibu yang efektif menghadapi kurang masalah penjagaan bayi berbanding dengan ibu yang kurang berkeyakinan. Kajian menuntukkan tekanan (depression) yang dihadapi oleh ibu berkait dengan penghargaan sendiri yang rendah, mengurangkan kawalan diri, merendahkan keupayaan kognitif dan memburukkan terimaan sosial di kalangan kanak-kanak lelaki.

Ibu-ibu yang berpuas hati dengan kualiti dan kuantiti perhubungan personal dan jaringan sosial mereka telah menunjukkan tingkahlaku keibuan yang optimal. Mereka memberi lebih pujian kepada anak-anak mereka dan kurang mengganggu dalam mengawal anak-anak. Tahap kesihatan psikiatrik dan status perkahwinan bapa dapat menerangkan keragaman dalam kecekapan sosial dan emosi anak-anak. Bila bapa (dan ibu) didiagnos dan mengalami gangguan, psikosis atau tekanan, maka anak-anak berisiko untuk mengalami kesukaran atau bermasalah dalam kognitif, sosial, emosi dan berhadapan dengan masalah di sekolah.

(b) Kualiti perkahwinan

Kualiti sesuatu hubungan perkahwinan memberi kesan keatas penyesuaian dan perkembangan kanak-kanak dan mempengaruhi masalah tingkahlaku mereka. Contohnya, apabila seorang suami dan seorang isteri berpuas hati dengan perkahwinan mereka, anak-anak akan berasa selamat. Kualiti perkahwinan yang rendah menjurus kepada amalan-amalan keibubapaan dan sosialisasi yang bermasalah seperti meningkatnya sifat permusuhan dan tindakan punitif (melibatkan hukuman), mengurangkan kemesraan dan justifikasi atau kemampuan menaakul yang kemudiannya memberi kesan buruk kepada kualiti hubungan antara ibu bapa dan anak. Penggunaan kata-kata cacian dan maki-hamun menambah kemarahan, ketakutan dan kesedihan anak-anak; mengakibatkan mereka berasa kecewa (upset).

Biarpun begitu, tidak semua konflik dalam perkahwinan memberi kesan negatif dan buruk kepada kanak-kanak. Jika ibu bapa berupaya menyelesaikan kekeliruan dan salah faham melalui perbincangan dan dilakukan dengan tenang serta dalam suasana emosi yang tenteram dan stabil, kesannya adalah positif dan menguntungkan anak-anak. Anak-anak telah diperlihatkan dan belajar cara menyelesaikan konflik mengikut contoh atau pengalaman yang diperolehi. Sebenarnya, konflik itu sendiri bukan masalah yang mengganggu kanak-kanak tetapi konflik yang keterlaluan, kekerapannya, sebab-musabab atau puncanya dan akibat yang dihasilkan oleh konflik yang memberi kesan keatas anak-anak.

(c) Kesan dari stail keibubapaan

Keluarga yang berbeza mengamalkan stail adan corak keibubapaan yang berbeza. Terdapat tiga stail keibubapaan.

(i) *'Authoritarian'* menekankan kepatuhan dan menggunakan paksaan untuk mengekang kebebasan bertindak anak-anak, menganggap anak-anak kurang penting, menyekat autonomi dan tidak menggalakkan nilai bertolakansur dalam perbualan atau percakapan. Ibu bapa jenis ini cenderung untuk menggunakan disiplin yang keras kerana mereka telah dididik secara yang demikian pada masa lalu. Stail keibubapaan sebegini menghasilkan anak-anak yang suka menyisihkan diri, penakut, mempamer sikap tidak berdikari, cepat marah, tidak asertif, 'moody', menunjuk sikap permusuhan dan cenderung untuk bergaduh (agresif).

(ii) Ibu bapa yang *'permissive'* membebaskan anak-anak dari sekatan dan sebaliknya menerima gerak hati dan tingkahlaku mereka; malahan membantu membentuk tingkahlaku mereka. Seseengah ibu bapa memanja dan menurutkan kemahuan anak-anak mereka dan ada yang tidak mengambil peduli dengan membiarkan anak-anak berbuat sesuka hati mereka. Anakanak cenderung memberontak bila disekat kemahuan mereka, suka menurut nafsu, agresif, mengikut kehendak sendiri dan tiada kecekapan bersosial. Kekurangan disiplin di rumah dikaitkan dengan agresif dalam bersosial dan akhirnya mengakibatkan dirinya disisih oleh rakan sebaya.

(iii) Ibu bapa *'authoritative'* sentiasa mencari ruang untuk memandu aktiviti anak-anak secara rasional, menggalakkan perbincangan dan menggunakan kawalan yang tegas jika anak-anak cuba engkar; tetapi ini tidak bermakna terlalu keras. Ibu bapa mengiktiraf keperluan dan minat individu anak-anak tetapi harus mematuhi peraturan atau lebih tepat *'standard of conduct'*. Anak-anak biasanya boleh berdikari, boleh mengawal diri, ada keyakinan diri dan cekap bersosial.

#### 4. *Pengaruh keluarga dari kalangan status sosio-ekonomi rendah.*

Pendapatan yang rendah bermaksud tidak berkecukupan untuk membiaya keluarga dari segi kewangan, isi rumah yang sesak di kejiranan yang miskin dimana kadar jenayah dan masalah sosial dan keluarga adalah ketara. Keluarga berstatus sosio-ekonomi rendah tidak mendapat penjagaan kesihatan yang sempurna, berhadapan dengan kadar kematian yang tinggi serta penyakit-penyakit fizikal dan mental. Insiden kematian akibat

kemalangan, bunuh diri dan pembunuhan adalah tinggi. Ibu-ibu mengandung kebanyakannya masih muda dan tidak berkahwin; kemudian menggunakan alkohol dan dadah tanpa preskripsi. Ditambah dengan tidak menerima penjagaan prenatal yang sempurna di pusat-pusat kesihatan yang akhirnya mengakibatkan mereka melahirkan anak tidak cukup bulan (premature) dan rumit, yang sukar dipelihara dan untuk diberi kasih sayang yang sempurna. Kejadian penganiayaan kanak-kanak juga sangat lumrah.

Ekoran dari maklumat di atas, status sosio-ekonomi keluarga dihubungkan secara signifikan kepada faktor sosialisasi kanak-kanak yang diantaranya disiplin yang kasar, kurang kemesraan keibuan, terdedah kepada model agresif orang dewasa, nilai agresif sebelah ibu, punca stres kehidupan keluarga, kurang sokongan sosial sebelah ibu, kumpulan sebaya yang tidak stabil dan kurang rangsangan kognitif.

#### Peranan ibu bapa dalam pembentukan personaliti

Lelaki atau bapa harus terlibat secara langsung dalam aktiviti memelihara dan membesarkan anak kerana bapa memberi impak yang positif dalam perkembangan anak-anak. Apabila kedua-dua ibu bapa berkongsi tanggungjawab, hubungan perkahwinan akan menjadi bertambah baik dan harmoni, kesejahteraan individu bergelar isteri meningkat dan anak-anak mendapat faedah kerana kebajikan mereka terpelihara hasil dari kualiti hubungan antara ibu bapa dan anak telah dipertingkatkan.

Dengan pertambahan bilangan wanita berkahwin yang bekerja, permintaan keatas suami untuk bertanggungjawab keatas kerja-kerja di rumah dan memelihara anak semakin meningkat. Kesan positif dapat diperhatikan dikalangan bapa-bapa yang berpendidikan yang pernah dipelihara oleh bapa mereka melakukan kerja-kerja di rumah dan memelihara anak-anak mereka yang lazimnya dilakukan oleh ibu; kesannya mereka memainkan peranan melakukan kerja-kerja di rumah dan memelihara anak-anak mereka.

#### Bibliografi

Agus Sujanto, Halem Lubis dan Taufik Hadi (1991). *Psikologi Kepribadian*, Bumi Aksara : Jakarta

Habibah Alias dan Noran Fauziah Yaakub (1997). *Psikologi Personaliti*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.

Muhammad Hatta Shaharom (1989). *Psikologi Keluarga : Ke arah Rumahtangga Bahagia*, Pustaka Salam : Kuala Lumpur.

Rice, F. Philip (2001). *Human Development: A Life-Span Approach*, Upper Saddle River : New Jersey.